

B642:

MAHATHIR-TENTERA

1982

BENTONG, 14 JULAI (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA NEGARA TIDAK AKAN KEKAL SELAMA-LAMANYA JIKA TIDAK ADA SEGOLONGAN RAKYAT YANG SANGGUP BERKORBAN DENGAN MEMIKUL SENJATA DI DALAM TENTERA.

BELIAU GEMBIRA DENGAN ADANYA MEREKA YANG SANGGUP MEMIKUL SENJATA DAN MENINGGALKAN KAMPUNG, HALAMAN DAN KELUARGA, NEGARA DAPAT WUJUD DALAM KEADAAN AMAN DAN DAMAI.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN SEMANGAT BERANI DAN DEDIKASI YANG ADA PADA SETIAP ANGGOTA TENTERA NEGARA INI MERUPAKAN PENGORBANAN YANG AMAT DIBANGGAKAN OLEH NEGARA DAN RAKYAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERTAHANAN SERUCAP DEMIKIAN DI MAJLIS BERBUKA PUASA DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI DAN ANGGOTA BATALION KE-8 REJIMEN ASKAR MELAYU DIRAJA (RAMD) DI SINI MALAM INI.

TURUT MERAIKAN PERDANA MENTERI IALAH MENTERI BESAR PAHANG DATUK MOHAMMAD NAJIB TUN ABDUL RAZAK, PANGLIMA TENTERA DARAT, JEN. TAN SRI ZAIN MAHMOOD HASHIM, PEMERINTAH 4 BRIGED, BRIG.-JEN. MOHAMMAD SHAH AMIN DAN PEGAWAI PEMERINTAH BATALION ITU LEFTENAN KOL. REDZUAN SHAMSUDDIN. --LAGI 2302/OM

0643:

MAHATHIR-TENTERA 2 BENTONG

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA BERHUTANG BUDI DAN BERTERIMA KASIH TERHADAP PENGORBANAN TENTERA.

BELIAU BERHARAP DAN BERDOA SUPAYA SEMUA ANGGOTA TENTERA DALAM KEADAAN SIHAT DAN BAIK SERTA TABAH DAN SANGGUP MENGHADAPI CABARAN DALAM MENENTUKAN NEGARA KEKAL SELAMA-SELAMANYA.

PERDANA MENTERI JUGA BERHARAP MEREKA TIDAK MERASA KECEWA DAN SEDIH KERANA TIDAK DAPAT MENYAMBUT HARI RAYA BERSAMA KELUARGA KERANA MENJALANKAN TUGAS.

KATANYA MEREKA SEPATUTNYA BERBANGGA KERANA MEREKA MERUPAKAN SEBAGIAN DARI PASUKAN YANG +ELIT+ ATAU UTAMA MENJALANKAN TUGAS MEMPERTAHANKAN NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, MASA INI ADALAH GILIRAN MEREKA BERTUGAS MEMPERTAHANKAN NEGARA APABILA MEREKA TUA KELAK ADA ORANG LAIN MENGAMBIL GILIRAN MENJALANKAN TUGAS TERSEBUT. --LAGI WEP1XOM

MAHATHIR-TENTERA 2 BENTONG

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA BERHUTANG BUDI DAN BERTERIMA KASIH TERHADAP PENGORBANAN TENTERA.

BELIAU BERHARAP DAN BERDOA SUPAYA SEMUA ANGGOTA TENTERA DALAM KEADAAN SIHAT DAN BAIK SERTA TABAH DAN SANGGUP MENGHADAPI CABARAN DALAM MENENTUKAN NEGARA KEKAL SELAMA-SELAMANYA.

PERDANA MENTERI JUGA BERHARAP MEREKA TIDAK MERASA KECEWA DAN SEDIH KERANA TIDAK DAPAT MENYAMBUT HARI RAYA BERSAMA KELUARGA KERANA MENJALANKAN TUGAS.

KATANYA MEREKA SEPATUTNYA BERBANGGA KERANA MEREKA MERUPAKAN SEBAGIAN DARI PASUKAN YANG +ELIT+ ATAU UTAMA MENJALANKAN TUGAS MEMPERTAHANKAN NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, MASA INI ADALAH GILIRAN MEREKA BERTUGAS MEMPERTAHANKAN NEGARA APABILA MEREKA TUA KELAK ADA ORANG LAIN MENGAMBIL GILIRAN MENJALANKAN TUGAS TERSEBUT. --LAGI 2308/OM

0644:

MAHATHIR-TENTERA 3 BENTONG

KATANYA KEADAAN ITU ADALAH MERUPAKAN ALIRAN HIDUP DI DALAM MASYARAKAT YANG SALING BERGANTUNG ANTARA SATU SAMA LAIN.

TIAP-TIAP ORANG MEMPUNYAI PERANAN MASING-MASING UNTUK DILAKUKAN BAGI MENENTUKAN NEGARA BERDAULAT DAN KEKAL SELAMA-LAMANYA.

LEFTENAN KOL. REDZUAN BERKATA, KEHADIRAN PERDANA MENTERI BAGI JULUNG KALINYA DI MAJLIS SEUMPAMA ITU BERSAMA-SAMA PASUKAN TENTERA AKAN MEMBERI PERANGSANG DAN DORONGAN KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA UNTUK BERJUANG LEBIH BERSEMANGAT DAN DEDIKASI LAGI. --BERNAMA 2322/OM